

Malaysia, negara serantau sasar guna mata wang tempatan

**Daripada
Muhammed
Ahmad Hamdan**
bhnews@bh.com.my
di Kazan



Malaysia bersama beberapa rakan serantau menyasar pencapaian sehingga 20 peratus dalam urusan niaga perdagangan dilaksanakan menggunakan mata wang tempatan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, langkah itu mencerminkan usaha serantau untuk mengukuhkan autonomi kewangan, sekaligus mengurangkan kebergantungan berlebihan kepada dolar Amerika Syarikat (AS).

Dalam satu temu bual eksklusif bersama penyiar antarabangsa TV BRICS, Perdana Menteri berkata, perubahan itu

membabitkan perdagangan dengan China, Thailand dan Indonesia dengan transaksi bernilai berbilion dolar.

“Ia menunjukkan bahawa jika ada ruang, kita harus teruskan,” katanya kepada pengacara TV BRICS yang juga Pengarah Kerjasama Antarabangsa, Darya Ivankova.

Temu bual itu diadakan ketika berlangsung Forum Kazan 2025, sempena hari terakhir lawatan rasmi empat hari Perdana Menteri ke Russia yang berakhir, semalam.

“Ini bukan soal menggantikan dolar yang kekal dominan di peringkat global, tetapi mewujudkan penimbal (*buffer*) demi melindungi kepentingan negara,” katanya.

Perdana Menteri berkata, inisiatif berkenaan adalah sebahagian daripada kerjasama serantau yang lebih luas di bawah

kerangka antaranya Inisiatif Chiang Mai.

Menerusi inisiatif itu, negara ASEAN+3 mengukuhkan kerjasama di antara bank pusat serta menggalakkan penyelesaian rentas sempadan menggunakan mata wang domestik.

Katanya, perbincangan turut menyentuh usaha menghidupkan semula cadangan penubuhan Dana Kewangan Asia, namun ia bukan sebagai pesaing institusi sedia ada, tetapi sebagai penimbal strategik.

“Ini bukan soal mencabar sesiapa, tetapi untuk mengurangkan kejutan ekonomi dan membina ketahanan serantau. Ia penting bagi negara yang bergantung kepada perdagangan seperti Malaysia,” katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, strategi ekonomi Malaysia berteraskan transformasi digital, peralihan tenaga

dan keselamatan makanan, dengan kerjasama negara anggota BRICS dan negara Selatan Global (Global South), kini menjadi semakin penting.

Beliau menekankan peranan Malaysia sebagai hab serantau dalam sektor semikonduktor, kecerdasan buatan (AI) dan pusat data, disokong Dasar Semikonduktor Negara yang digerakkan kerajaan.

“Kita sudah menarik pelaburan besar daripada peneraju global seperti Google, Microsoft, Nvidia dan Infineon dari Jerman.

“Fasa seterusnya adalah meningkatkan kecekapan, memperluas bakat dan menjadikan negara lebih berdaya saing,” katanya.

Mengulas kerjasama tenaga serantau ASEAN, Anwar menyifatkan projek grid kuasa ASEAN sebagai inisiatif penting da-

lam menyokong perkongsian tenaga merentas rantau ini.

“Ia satu perubahan besar, daripada bahan api fosil kepada tenaga hidro, gas dan boleh diperbaharui. Ini adalah sumbangan kolektif kita ke arah kelestarian dan tindakan iklim,” katanya.

Menjawab soalan berhubung peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN dan rakan baharu BRICS, Anwar berkata, kedua-dua platform memberi ruang penting untuk memacu diplomasi ekonomi yang inklusif.

“Malaysia ialah negara perdagangan. ASEAN menekankan kedudukannya sebagai pusat, yang bermaksud kita berinteraksi dengan semua pihak.

“BRICS pula menjadi kekuatan penyatu bagi negara Selatan Global. Kita berunding dan mempertahankan kepentingan bersama,” katanya.